

Kedah teruskan projek pembangunan ladang hutan

➔ Kerajaan terdahulu lulus dasar bagi tampung bekalan kayu industri

Oleh Suzalina Halid
suzalina@nstp.com.my

➔ Alor Setar

Kerajaan negeri akan meneruskan projek pembangunan ladang hutan berikutan dasar mengenai penubuhannya sudah diluluskan pentadbiran sebelum ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, berkata kerajaan terdahulu melalui Majlis Tanah Negara meluluskan dasar pembangunan ladang hutan di negara ini bagi menampung bekalan kayu untuk industri.

Katanya, sebarang desakan untuk menghentikan pembangunan ladang hutan termasuk di negeri itu harus diperhalusi di peringkat Pusat.

“Kerajaan negeri mewarisi sepenuhnya apa keputusan yang dibuat Majlis Tanah Negara sebelum ini kerana kita baharu saja tiga bulan mentadbir, sudah tentu kami tidak terbabit dalam kelulusan projek ladang hutan.

“Namun menjadi tanggungjawab kami mengatasi masalah yang timbul kerana di Kedah ia membabitkan kawasan hutan

pengeluaran sudah tentu ia memberi kesan alam sekitar.

“Jadi pertimbangan supaya tidak sepatutnya diwujudkan ladang hutan, saya ingin mencadangkan supaya ia boleh diperhalusi di peringkat kebangsaan,” katanya ketika menjawab soalan tambahan Mohd Isa Shafie (PAS-Belantek) pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) semalam.

Minta kerajaan kaji semula

Mohd Isa meminta kerajaan negeri mengkaji semula pelaksanaan projek ladang hutan di Bukit Enggang, Sik bagi melindungi ekologi Kedah termasuk risiko bencana alam.

Mukhriz berkata, projek ladang hutan yang dibangunkan membabitkan proses penanaman hutan sebelum ditanam

semula pokok bagi tujuan sama untuk membekalkan kayu-kayan kepada industri.

Mengenai projek ladang hutan di Bukit Enggang, ia sudah diluluskan Majlis Tanah Negara pada 2012 dengan kawasan itu sudah melalui penilaian impak alam sekitar (EIA) oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Katanya, projek seluas 1,000 hektar itu sudah selesai menjalani proses pengusahasilan dan kini dalam proses penanaman semula pokok dari spesies batai.

“Saya tidak nampak cara apa lagi selain meneruskan projek tanaman semula di Bukit Enggang kerana jika dibiarkan begitu saja maka apa yang dihasratkan dari awal dulu (membekalkan kayu-kayan) tak akan jadi kenyataan,” katanya.